

FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ)

PROGRAM KHAS JEPUN, KOREA, PERANCIS DAN JERMAN (JKPJ) TAHUN 2022

1. Apakah itu Program Khas Jepun, Korea, Perancis Dan Jerman (JKPJ) 2022?

Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) Tahun 2022 merupakan program penajaan JPA berbentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) kepada pelajar lepasan SPM tahun 2021 dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi (S&T) dan sains sosial ke negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman. Pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan sebelum melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Pertama di negara-negara berkenaan.

2. Apakah syarat-syarat permohonan JKPJ 2022?

Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

2.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu/bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang JPA;
- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat pengajian yang sama;
- (v) Menduduki peperiksaan **SPM 2021 buat pertama kali**; dan
- (vi) Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

2.2 Syarat Khusus

Perincian syarat khusus mengikut bidang adalah seperti berikut:

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
<p>(1) Kejuruteraan</p> <p>Jepun INTEC Education College Kod Program: JKPJ 001</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Bahasa Melayu;b) Matematik;c) Matematik Tambahan;d) Fizik; dane) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Bahasa Inggeris; danb) Sejarah.
<p>(2) Kejuruteraan</p> <p>Korea INTEC Education College Kod Program: JKPJ 002</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Bahasa Melayu;b) Matematik;c) Matematik Tambahan;d) Fizik; dane) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Bahasa Inggeris; danb) Sejarah.

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
<p>(3) Sains dan Teknologi</p> <p style="text-align: center;">Korea INTEC Education College Kod Program: JKPJ 003</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.
<p>(4) Kejuruteraan</p> <p style="text-align: center;">Perancis INTEC Education College Kod Program: JKPJ 004</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
<p>(5) Sains Sosial</p> <p style="text-align: center;">Perancis Uni-MFI Kod Program: JKPJ 005</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; dan c) Tiga (3) mata pelajaran lain (termasuk Matematik Tambahan sekiranya merupakan keperluan Kolej Persediaan) <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> d) Bahasa Inggeris; dan e) Sejarah.
<p>(6) Kejuruteraan</p> <p style="text-align: center;">Jerman INTEC Education College / Sunway College Kod Program: JKPJ 006</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
<p>(7) Sains dan Teknologi</p> <p style="text-align: center;">Jerman INTEC Education College Kod Program: JKPJ 007</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.

3. Bagaimanakah saya boleh memohon penajaan JPA di bawah JKPJ 2022?

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web JPA mulai **16 hingga 26 Jun 2022**. Pemohon hendaklah membaca dan memahami kesemua panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi program ini sebelum membuat permohonan.

4. Apakah itu *Student Assessment Centre (SAC)*?

Student Assessment Centre (SAC) merupakan kaedah pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Penilaian SAC ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian dan Perkhidmatan Awam.

5. Bilakah program SAC akan dijalankan?

SAC dijadualkan pada **4 hingga 7 Julai 2022** mengikut zon pusat temuduga.

6. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke program SAC?

Calon boleh membuat semakan panggilan ke program SAC mulai **1 Julai 2022** secara dalam talian iaitu <https://esilav2.jpa.gov.my/>. Pusat SAC yang perlu dihadiri adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam surat panggilan.

7. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri program SAC?

Dokumen yang perlu dibawa semasa menghadiri SAC adalah:

Dokumen Asal

- (a) Kad Pengenalan Calon.
- (b) Sijil Kelahiran Calon.
- (c) Surat Panggilan SAC.
- (d) Penyata Saraan Tahunan iaitu Penyata EA bagi pekerja swasta atau Penyata EC bagi pekerja agensi kerajaan (jika ada).
- (e) Borang Pengesahan Pendapatan Bulanan Ibu atau / dan Bapa atau / dan Penjaga (beserta Borang Akuan Lampiran 7).

Satu (1) Salinan Dokumen yang disahkan

- (a) Kad Pengenalan Calon, Ibu dan Bapa.
- (b) Sijil Kelahiran Calon, Ibu dan Bapa.
- (c) Penyata Bayaran Pencen / Slip Gaji Ibu dan / atau Bapa dan / atau Penjaga.
- (d) Sijil Warganegara ibu dan / atau bapa dan / atau penjaga (sekiranya berkaitan).

8. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran JKPJ 2022?

Semua urusan berhubung Program Khas JKPJ iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian di laman web JPA.

Surat-surat/slip-slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web JPA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini.

9. Saya menduduki peperiksaan SPM 2020. Bolehkah saya memohon JKPJ 2022?

Tidak. Program Khas JKPJ Tahun 2022 hanya dibuka kepada pelajar lepasan **SPM tahun 2021 sahaja**.

10. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?

Boleh. Calon-calon hanya dibenarkan memilih **satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

11. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian di pusat persediaan yang berasingan?

Tidak. Calon-calon yang berjaya ditawarkan JKPJ 2022 **perlu mengikuti program persediaan di Kolej / pusat persediaan yang telah ditetapkan oleh JPA sahaja.**

12. Sekiranya saya menolak tawaran JKPJ 2022, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?

Ya. Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA **sekiranya berminat dan melepasi syarat-syarat** permohonan penajaan.

13. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM430.00 sebulan.**

14. Adakah program SAC dilaksanakan di luar negara bagi calon-calon yang mengikuti program pertukaran pelajar?

Tidak. Program SAC hanya dilaksanakan di dalam negara sahaja.

15. Sekiranya saya tidak dipanggil ke program SAC, adakah saya boleh membuat rayuan?

Tidak. Hanya calon yang melepasi syarat sahaja akan dipanggil ke program SAC.

16. Setelah saya mendapat tawaran penajaan JPA, bolehkah saya memohon pinjaman tambahan daripada penaja lain seperti PTPTN?

Tidak. Pelajar hanya dibenarkan untuk menerima **satu tajaan sahaja.**

17. Tarikh-tarikh Penting

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	16 Jun 2022 (Khamis)
Permohonan ditutup	26 Jun 2022 (Ahad)
Semakan Panggilan SAC	1 Julai 2022 (Jumaat)
Tempoh SAC	4 – 7 Julai 2022
Jangkaan Keputusan	29 Julai 2022 (Jumaat)

18. Keputusan Permohonan

Keputusan permohonan penajaan Program Khas JKPJ ini dijangka akan diumumkan melalui portal <https://esilav2.jpa.gov.my/> pada **29 Julai 2022 (Jumaat).**

Pelajar yang tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

*Dikemaskini pada 9 Jun 2022